

Modul PBD

1.



(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

2. (a) **Kebaikan:**

Dapat belajar bersama-sama

Contoh:

Mengulang kaji pelajaran bersama-sama sebelum menduduki peperiksaan

(b) **Kebaikan:**

Dapat melakukan pelbagai aktiviti bersama-sama

Contoh:

Bermain bola sepak pada masa lapang

(c) **Kebaikan:**

Tidak berasa sunyi dan keseorangan

Contoh:

Berkongsi kegembiraan dan kesedihan bersama-sama

(d) **Kebaikan:**

Menjalin hubungan silaturahim dengan sahabat pelbagai kaum

Contoh:

Memahami adat resam dan budaya yang diamalkan oleh sahabat berlainan kaum

(e) **Kebaikan:**

Mendapat bantuan dan sokongan moral secara ikhlas

Contoh:

Mendapat bantuan dan nasihat jika menghadapi sesuatu masalah

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

3. (a) Negatif
- (b) Negatif
- (c) Positif
- (d) Negatif
- (e) Positif
- (f) Negatif
- (g) Positif
- (h) Negatif
- (i) Positif
- (j) Negatif
- (k) Positif
- (l) Positif

4. • Meluangkan lebih banyak masa bersama-sama keluarga daripada sahabat
- Meminta izin daripada keluarga sebelum berjanji kepada sahabat
- Memberikan keutamaan kepada keluarga berbanding dengan sahabat apabila perlu membuat pilihan
- Menjaga perasaan keluarga melebihi perasaan sahabat
- Tidak keterlaluan dalam memenuhi kehendak sahabat
- Menerima nasihat anggota keluarga berkaitan dengan pemilihan sahabat

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

5. (a) Saya memilih sahabat yang berciri positif seperti ikhlas, baik hati, bersopan santun, prihatin, sedia membantu, dan menggunakan masa dengan berfaedah.

- (b) • Memberikan pengaruh yang baik
 - Membentuk tingkah laku yang mulia
 - Menegur dan memberikan nasihat jika membuat kesalahan
 - Memberikan bantuan semasa ditimpa kesusahan
 - Memberikan dorongan untuk mencapai kejayaan

- (c) Saya berkemungkinan besar akan terjebak dalam gejala sosial sehingga memusnahkan masa depan saya. Selain itu, imej diri dan keluarga saya juga akan terjejas.

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

6. (a) Saya akan menasihatinya supaya sentiasa mematuhi peraturan sekolah kerana tindakannya itu akan menjelaskan pelajarannya.

- (b) Saya akan memberitahu sahabat saya tentang kebaikan menyertai aktiviti kokurikulum dan tidak akan terpengaruh dengan ajakannya supaya tidak terlibat dalam aktiviti kokurikulum.

- (c) Saya akan menolak ajakan sahabat dengan cara yang sopan dan menasihatinya supaya tidak menipu ibu bapa untuk mendapatkan wang.

- (d) Saya akan memberitahu ibu bapanya tentang hal itu kerana perbuatannya amat berbahaya dan boleh merugikan nyawa.

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

7. • Saya akan membantu sahabat pada masa yang diperlukan dengan ikhlas.

- Saya akan sentiasa amanah dalam menyimpan rahsia sahabat.
- Saya akan mendorong dan memberikan motivasi kepada sahabat untuk mencapai kejayaan.

- Saya akan menjaga hati dan perasan sahabat dan keluarganya.
- Saya akan berusaha untuk mempertahankan maruah sahabat.

Power KBAT

1. • Setuju
 - Sahabat berciri positif akan berfikir tentang kepentingan kita, manakala sahabat berciri negatif hanya mementingkan diri sendiri
 - Sahabat berciri positif akan menasihati kita jika melakukan kesalahan, manakala sahabat berciri negatif akan membiarkan kita terus melakukan kesalahan
 - Sahabat berciri positif mendorong kita untuk mencapai kejayaan yang menjamin masa depan, manakala sahabat berciri negatif mendorong kita melakukan perkara negatif yang menyebabkan masa depan yang gelap

2. • Memahami amalan keagamaan dan kepercayaan sahabat pelbagai kaum
 - Menghormati dan menerima budaya yang diamalkan oleh sahabat pelbagai kaum
 - Sentiasa bertolak ansur terhadap sahabat pelbagai kaum dari aspek makanan, pakaian dan kepercayaan
 - Mengelakkan diri daripada menyinggung perasaan sahabat pelbagai kaum seperti menyentuh perkara-perkara sensitif
3. Saya dapat menerima sahabat yang bersikap terus terang. Hal ini demikian kerana, kebenaran yang diberitahu adalah untuk membolehkan saya mengubah sikap dan mengelakkan diri saya daripada terus melakukan kesalahan.
(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)